

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD

TARIKH : 06 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 42

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah JPJ dan APAD dapat menguatkusakan agar kenderaan komersial seperti bas dan lori dipandu tidak melebihi had laju yang dibenarkan dan membendung perlakuan pemandu-pemandu kenderaan ini memandu secara melulu sehingga menyebabkan kemalangan maut pengguna jalan raya lain.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah melaksanakan *Automated Awareness Safety System* (AwAS) untuk menguatkuasakan kesalahan memandu melebihi had laju dan kesalahan tidak mematuhi peraturan lampu isyarat merah. Penguatkuasaan ini adalah melibatkan semua kenderaan termasuk kenderaan komersial seperti bas dan lori. Sistem AwAS berupaya membezakan kelajuan kenderaan sama ada persendirian ataupun komersial mengambil kira penetapan had laju yang berbeza iaitu had laju jalan ataupun had laju yang ditetapkan pada badan kenderaan motor itu.
2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, penguatkuasaan terhadap kenderaan komersial menggunakan pakai had laju badan adalah sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 40 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987. Jika mana-mana pemandu kenderaan komersial seperti bas dan lori yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak melebihi dua ribu ringgit. Mahkamah hendaklah, melainkan jika atas apa-apa sebab khas difikirkannya patut untuk memerintahkan selainnya, memerintahkan butir-butir mengenai apa-apa dapatkan bersalah di bawah seksyen ini diendorskan pada mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh orang yang disabitkan itu.
3. Bagi tujuan mengurangkan kemalangan di jalan raya yang melibatkan kenderaan komersial seperti bas dan lori, Kementerian Pengangkutan melalui JPJ telah memperkenalkan sistem mata demerit bermula 15 April 2017. Di bawah sistem demerit ini, semua pemandu kenderaan komersial seperti bas dan lori yang melakukan kesalahan berjadual mata demerit akan diberikan mata demerit yang lebih tinggi berbanding pemandu kenderaan persendirian.

4. Selain itu, Tata Amalan Keselamatan Industri (Industrial Code of Practice, ICOP) SPAD menggariskan keperluan pengendali berlesen memasang GPS untuk setiap kenderaan dan memantau kelajuan setiap kenderaan yang beroperasi. Keperluan memantau kelajuan setiap kenderaan yang beroperasi tersebut mengehendaki pengendali mengambil langkah-langkah pencegahan terhadap pemandu apabila pengendali mengenal pasti pemanduan secara laju dan merbahaya melalui sistem GPS yang telah dipasang.
5. Kegagalan pengendali untuk mematuhi keperluan di bawah ICOP Keselamatan - SPAD merupakan satu pelanggaran syarat lesen dan tindakan undang-undang atau tindakan pentadbiran boleh dikenakan terhadap pengendali yang terlibat.
6. Tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas pengendali adalah pengeluaran kompaun bagi kesalahan yang dilakukan atau kes didakwa di mahkamah. Manakala tindakan pentadbiran yang boleh diambil ke atas pengendali adalah seperti tindakan penggantungan permit kenderaan ataupun penggantungan lesen pengendali. Bagi tempoh 2015 sehingga 2018, sebanyak 765 kes telah dikenakan tindakan penggantungan permit kenderaan bagi kesalahan pandu laju. Penggantungan permit kenderaan atau lesen pengendali dilihat sebagai salah satu mekanisme punitif terhadap pengendali supaya beroperasi berdasarkan undang-undang yang telah ditetapkan.
7. S.P.A.D. juga menjalankan sesi latihan ICOP Keselamatan kepada pengendali berlesen dengan memberi fokus kepada aspek keselamatan melalui lima elemen utama iaitu tanggungjawab pihak pengurusan, pengurusan kenderaan, pengurusan pemandu, pengurusan dokumen dan juga pengurusan risiko. Latihan ini dijalankan setiap minggu sepanjang 2018 di ibu pejabat S.P.A.D. dan semua pejabat wilayah S.P.A.D. di Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kuala Terengganu. Sepanjang 2018, sesi latihan S.P.A.D. ICOP Keselamatan telah dihadiri oleh 7,249 pengendali kenderaan barang dan bas.

Sekian, terima kasih.